



Ruj. Kami : JPA(I)S.179/17/2-11(16)  
Tarikh : 5 September 2016/ 3 Zulhijjah 1437

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAWAAN KEMUDAHAN PROGRAM BIASISWA KOMANWEL UNITED KINGDOM TAHUN 2017**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memohon kemudahan **Program Biasiswa Komanwel United Kingdom Tahun 2017** bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ph.D secara sepenuh masa.

3. Calon-calon hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Biasiswa Komanwel United Kingdom dan juga memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (ii) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa pada tarikh tutup permohonan;
- (iii) Umur tidak melebihi **50 tahun untuk peringkat Sarjana** dan tidak melebihi **45 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (Ph.D)** pada 1 Januari 2017;



- (iv) Mencapai Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata minimum 85% bagi tempoh genap 3 tahun kalendar yang terkini berturut-turut (2013, 2014 & 2015);
- (v) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik;
- (vi) Telah mengisytiharkan harta;
- (vii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (viii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA;
- (ix) Tiada mengikuti kursus pendek di luar negara dalam tempoh **satu tahun** kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh **dua tahun** kebelakangan (**dikira dari 1 September 2016**);
- (x) Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- (xi) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti; dan
- (xii) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai.

#### 4. **Tatacara Permohonan**

##### 4.1 **Tanggungjawab Pegawai**

Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah:

- (i) mengisi borang permohonan secara dalam talian di portal eSila JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>; dan
- (ii) mengisi borang permohonan secara dalam talian di laman web UK Commonwealth Scholarships melalui pautan <http://cscuk.dfid.gov.uk/apply/scholarships-developing-cw/>.

##### 4.2 **Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan**

Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya memastikan bahawa pegawai yang memohon boleh dilepaskan untuk mengikuti pengajian sekiranya berjaya ditawarkan biasiswa kelak.



5. **Tarikh Tutup Permohonan/Pencalonan**

Tarikh tutup permohonan secara dalam talian bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **15 November 2016**. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini bolehlah diajukan kepada:

**Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan**

**No. Telefon : 03-88853546**

**No. Faks : 03-8889 2171**


**Emel : ldp@jpa.gov.my**

6. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DR. SITI MUHAZA BINTI SHEIKH ZAINAL)**

Bahagian Pembangunan Modál Insan

b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA





## PANDUAN PERMOHONAN BIASISWA KOMANWEL UNITED KINGDOM TAHUN 2017

---

Biasiswa ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Calon perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Biasiswa Komanwel UK serta:

- (i) mengisi borang permohonan secara dalam talian di portal eSila JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>; dan
- (ii) mengisi borang permohonan secara dalam talian di laman web UK Commonwealth Scholarships melalui pautan <http://cscuk.dfid.gov.uk/apply/scholarships-developing-cw/>.

Bagi **calon-calon yang merupakan kakitangan Kerajaan**, pegawai juga perlu memenuhi syarat-syarat Cuti Belajar seperti yang dinyatakan dalam Surat Edaran Pelawaan Kemudahan Program Biasiswa Komanwel United Kingdom Tahun 2017.

